

<input checked="" type="checkbox"/> Utusan Malaysia
<input type="checkbox"/> Mingguan Malaysia
Tarikh: 4/5/2011
Hari: Rabu
Ruangan: HEDU KAMPUS

500 pelajar sertai jom kayuh basikal bukit

KULIM 3 Mei - Kira-kira 500 pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menyertai Karnival Mountain Bike anjuran Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSb) di sini baru-baru ini.

Mereka terdiri daripada pelajar mewakili lima politeknik iaitu Banting, Selangor; Sultan Mizan Zainal Abidin, Terengganu; Seberang Perai, Pulau Pinang; Kota Bharu; Kelantan; Johor Bahru dan Mersing; dan Politeknik Sultan Ahmad Shah (Polisas), Pahang.

Karnival itu juga menerima penyertaan daripada pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Kolej Komuniti Jerai.

Bertemakan Jom Kayuh, para peserta dilepaskan dari Kompleks Sukan PTSb melalui beberapa taman perumahan dan ladang kelapa sawit sebelum berakhir di tempat permuluan.

Pengarah PTSb, Kamaruzaman Ismail berkata, berikutan sambutan menggalakkan, pihaknya bercadang untuk mengadakan pertandingan yang sama pada tahun depan.

Di akhir pertandingan, pelajar

Politeknik Johor Bahru, Mohamad Zaki Ramlee diumumkan juara kategori lelaki IPTA diikuti Mohd. Sofhi Mohamad (UiTM Pulau Pinang) serta Mohd. Hanif Rohimi (PTSb) di tempat kedua serta ketiga.

Bagi kategori wanita, ia dimenangi oleh Amira Zuriati Che Hassan dari Politeknik Kota Bharu; kedua, Norin Jaafar (PTSb) dan ketiga, Atikah Zakaria (Polisas).

Bagi kategori lelaki terbuka, johan dirangkul oleh Azizan Manaf dari SBS Team, kedua Harith Iskandar Jamal (Pasukan Gerek Gunung) dan ketiga Ariff Che Awang (Pasukan UUMXTC).

Pemenang tunggal kategori terbuka wanita pula dimenangi oleh Rosmah Osman dari Pasukan Gerek Gunung.

Johan setiap kategori membawa pulang wang tunai RM300 manakala kedua RM200 dan ketiga RM100 bersama siji penyertaan.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Penolong Pengarah Kanan Bahagian Kebajikan Pelajar Jabatan Pengajian PSTB, Wan Zulkifli Wan Zakaria.



SEBAHAGIAN daripada peserta yang menyertai program Jom Kayuh di Kulim, Kedah, baru-baru ini.